



Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur

Sidang Media 100 Hari Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Belanjawan DBKL Tahun 2025	Teks Ucapan Datuk Bandar Kuala Lumpur YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif	19 Disember 2024 (Khamis) @ Anjung Singgahsana, Menara DBKL 1
---------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------

Terima kasih saudari pengacara majlis

**YBrs. Tuan Haji Mohamad bin Hamim
Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek**

Ketua Jabatan, para pegawai kanan DBKL

Rakan-rakan Media, tuan/puan yang dihormati

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi, Salam
Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1.0 Pengenalan

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dapat kita bersama-sama berada di dalam Sidang Media Pencapaian 100 Hari Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2025. Terima kasih atas komitmen Ybhg. Datuk/Datin/tuan-tuan dan puan-puan kerana menghadiri sidang media pada hari ini.
2. Pada 22 November yang lepas, genap 100 hari saya menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai Datuk Bandar. Sebagai Datuk Bandar, tanggungjawab saya adalah memimpin, mendengar, memahami, dan bertindak balas terhadap keperluan warga kota. Dengan sokongan pasukan DBKL dan semua pemegang taruh, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan yang membawa manfaat kepada warga kota, menambah baik perkhidmatan, dan mengukuhkan keyakinan terhadap pentadbiran DBKL.

2.0 100 Hari Datuk Bandar & 15 Program Flagship

Hadirin yang dihormati,

3. Dalam 100 Hari pertama saya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, saya telah melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan dalam beberapa aspek seperti reformasi tadbir urus; pembangunan mampan; inklusiviti komuniti; keselamatan awam; pengindahan bandar; Kolaborasi peringkat antarabangsa dan tempatan; kerjasama strategik berasaskan prinsip 4P, iaitu *Public, Private, People Partnership*; penguatkuasaan bersepodu; persediaan kepengerusian ASEAN dan pengamalan belanjawan lestari.
4. Dalam tempoh 100 hari juga selaras dengan agenda reformasi YAB Perdana Menteri, saya telah melancarkan Pelaksanaan 15 Program Flagship DBKL bagi tempoh 24 bulan, iaitu dari 2024 hingga 2026 yang berteraskan lima fokus utama, iaitu **pembangunan berdasarkan pelan, komuniti inklusif, bandar hijau dan mampan, komunikasi yang efektif dan tadbir urus yang baik**. Dengan kerjasama semua warga DBKL, saya akan pastikan aspirasi melalui Program Flgaship ini bukan hanya coretan di atas kertas, tetapi akan diterjemah dan dikomunikasikan daripada peringkat pengurusan sehingga ke peringkat

implementasi. Tahun 2025 merupakan ‘Year of Implementation.’ Bagi mendapatkan salinan digital dokumen 100 Hari Datuk Bandar dan perincian Program Flagship DBKL, hadirin boleh ‘scan’ kod QR yang disediakan.

3.0 Cabaran di Kuala Lumpur

Hadirin yang dihormati,

5. Sebelum saya membentangkan perincian Belanjawan DBKL 2025, ingin saya menyentuh cabaran yang dihadapi dalam menguruskan bandar raya Kuala Lumpur yang berkeluasan **243.65 kilometer persegi** ini. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2024, anggaran penduduk Kuala Lumpur telah mencecah **2.1 juta** orang berbanding 2 juta orang pada tahun 2023.
6. Kepadatan penduduk yang tinggi ini menjadi cabaran besar kepada DBKL bagi memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang cemerlang. Antara cabarannya adalah melibatkan pengindahan dan kebersihan awam, pengurusan sisa pepejal, perancangan bandar dan kawalan binaan, pengurusan lalu lintas, pengawalan serta usaha meningkatkan kebajikan penjaja dan peniaga kecil, penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam, menjaga kebajikan & kesihatan warga PA/PPR serta penyediaan perumahan yang mencukupi.
7. Sehubungan itu, penyediaan Belanjawan DBKL bagi tahun 2025 telah melalui satu proses yang inklusif. Ianya bermula dengan mendapatkan pandangan dan idea daripada warga kota Kuala Lumpur melalui **Portal Idea Belanjawan** Tahun 2025 yang dibuka selama 2 (dua) bulan bermula 8 Januari 2024 sehingga 7 Mac 2024. Setelah itu, DBKL telah turun ke **11 kawasan parlimen Kuala Lumpur** bagi mendapatkan input dan cadangan daripada penduduk secara bersemuka melalui **Sesi Libat Urus Idea Belanjawan 2025** yang telah di adakan bermula 1 Jun 2024 sehingga 27 Julai 2024. Hasil daripada itu DBKL telah menerima **1,060 idea dan pandangan** daripada warga kota yang mana 360 adalah dari Portal Idea Belanjawan dan bakinya 700 idea adalah dari Sesi Libat Urus Idea Belanjawan. Namun begitu setelah pemurnian dan penelitian dilakukan oleh jabatan-jabatan dalaman DBKL **315 idea** dan cadangan yang diterima untuk

dipertimbangkan pada tahun 2025 sehingga 2027.

4.0 Belanjawan DBKL 2025

Hadirin yang dihormati,

8. Sebagaimana saya maklumkan pada awal tadi, penyediaan peringkat terakhir bajet yang strategik, lestari dan mampan juga merupakan inisiatif yang dilaksanakan dalam tempoh 100 hari saya berkhidmat. Pada tanggal 25-27 September yang lalu telah diadakan Retreat Belanjawan DBKL. Dalam medium tersebut, saya bersama dengan barisan kepimpinan DBKL yang lain telah menyiapkan dokumen Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 2025. Perancangan belanjawan ini telah dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), dan kepada Ahli Lembaga Penasihat Bandar Raya Kuala Lumpur. Pada hari ini sukacita saya akan berkongsi Belanjawan DBKL 2025 dengan semua pengamal media dan tetamu yang hadir pada hari ini.

5.0 ‘Spending Budget’ bukan ‘Aspirational Budget’

9. Belanjawan DBKL tahun 2025 dirangka dengan jangkaan situasi ekonomi bertambah baik dan berkembang sepenuhnya. Semua program dan aktiviti memberi fokus kepada peningkatan kualiti hidup warga kota. Belanjawan DBKL tahun 2025 meletakkan fokus yang jelas pada pelaksanaan projek /program yang dirancangkan. **Belanjawan DBKL kali ini merupakan ialah *spending budget* dan bukan *Aspirational Budget*.** Ini bermakna setiap perancangan yang digariskan adalah realistik dan berdasarkan pada keperluan sebenar, tanpa mengorbankan visi dan misi DBKL; iaitu dengan memberikan keutamaan kepada projek dan inisiatif yang memberikan impak langsung kepada kesejahteraan warga kota. Belanjawan ini disediakan dengan mengambil kira keperluan warga kota dengan kewangan yang kita ada. DBKL akan melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin untuk meningkatkan pendapatan daripada hasil kutipan cukai pintu serta hasil-hasil lain yang kini hanya berkadar 83% daripada jumlah caj semasa yang sepatutnya dikutip.

6.0 Tema Belanjawan DBKL 2025

10. Tema belanjawan yang dipilih bagi tahun 2025 iaitu “**Kuala Lumpur Lestari,**

Warga Kota Sejahtera” adalah untuk menggambarkan bahawa, belanjawan yang disediakan ini bukan sahaja berfungsi sebagai pelan kewangan tetapi juga sebagai pelan transformasi yang mendukung aspirasi Kuala Lumpur untuk menjadi bandar raya berdaya huni, inklusif dan lestari. Kami bertekad untuk memastikan bahawa belanjawan tahun depan adalah untuk menaikkan kualiti hidup warga kota.

11. Sejakar dengan itu, Belanjawan DBKL 2025 dirangka selaras dengan lima (5) bidang fokus utama iaitu **Pembangunan Berasaskan Pelan, Komuniti Inklusif, Bandar Hijau dan Lestari, Komunikasi serta Tadbir Urus**. Di bawah 5 bidang fokus utama tersebut, terdapat 15 Program Perdana atau Flagship Program yang akan menjadi landasan sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur. Sebagaimana saya nyatakan awal tadi, pelan tindakan ini adalah tanda usaha mendokong agenda reformasi nasional.

7.0 Kepengerusian ASEAN 2025

Hadirin yang dihormati,

12. Tahun 2025 ini Kuala Lumpur bakal menjadi tumpuan dunia selaras dengan peranan Malaysia sebagai **Pengerusi ASEAN**. Kuala Lumpur sebagai ibu kota Malaysia akan menggunakan peluang strategik ini untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai bandar utama di Asia Tenggara dengan mempamerkan keupayaan diplomasi, kemajuan ekonomi dan daya tarikan global. Selain itu, tahun 2025 juga merupakan satu fasa kritikal kepada DBKL dalam memastikan infrastruktur, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan berada pada tahap yang terbaik sebagai persediaan **Tahun Melawat Malaysia 2026**.

13. Bagi tujuan itu, DBKL memberi tumpuan kepada kesejahteraan awam melalui dasar dan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan bandar, menangani isu komuniti, serta memperbaiki akses kepada kemudahan dan perkhidmatan awam. Di samping itu juga, DBKL bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif memperindah Kuala Lumpur, termasuk landskap bandar, kebersihan dan usaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih menarik dan

menyenangkan bagi penduduk serta pelawat.

8.0 Pecahan Belanjawan 2025

Hadirin yang dihormati,

14. DBKL telah menyediakan Belanjawan tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak **RM2.84 bilion**, di mana **RM2.20 bilion atau 77.5%** telah disediakan bagi **Peruntukan Mengurus** manakala **RM0.64 bilion atau 22.5%** adalah bagi **Peruntukan Pembangunan**. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan sebanyak **6.59%** di dalam Belanjawan 2025 berbanding Belanjawan 2024 yang berjumlah RM2.66 billion.

9.0 Anggaran Hasil

15. Secara umumnya, Anggaran Hasil 2025 dijangka meningkat kepada **RM2.45 bilion** berbanding RM2.31 bilion pada tahun 2024 iaitu kenaikan sebanyak **6.01%**.
16. Hasil Cukai Taksiran pada tahun 2025 dianggarkan berjumlah **RM1.53 bilion** dan iaanya merupakan hasil utama DBKL yang menyumbang sebanyak **62.57%** daripada hasil keseluruhan DBKL. Sehingga kini, bilangan hartaanah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada bangunan pejabat, rumah kediaman, hotel dan premis perniagaan telah direkodkan sebanyak 784,151 akaun.
17. Selain hasil Cukai Taksiran, terdapat juga hasil-hasil lain seperti Kawalan Binaan dan Perancangan, Lesen dan permit, Sewaan Harta dan Sewaan Perumahan serta Denda dan Kompaun.
18. Bagi memudahkan pemilik hartaanah membayar Cukai Taksiran, DBKL telah mempelbagaikan saluran kutipan bayaran secara dalam talian selari dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan transaksi tanpa tunai (cashless) seperti aplikasi mudah alih Pay@KL, portal bayaran DBKLBayar, JomPAY dan portal PBTPay. DBKL terus komited ke arah *cashless* dan akan memastikan tiada lagi terimaan tunai di kaunter bayaran secara berperingkat

pada masa hadapan. Selaras dengan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim 2050. DBKL telah mengambil inisiatif dengan menghentikan cetakan bil fizikal dan menghantar bil melalui e-mel selari dengan usaha untuk mengurangkan jejak karbon serta menyokong amalan bandar mampan. Sehubungan itu, mana-mana pemilik hartanah yang masih belum menerima bil Cukai Taksiran melalui e-mel, boleh mengemaskini maklumat di portal eJPPH DBKL.

10.0 Peruntukan Mengurus

Hadirin yang dihormati,

19. Pada tahun 2025, DBKL akan memperuntukkan sejumlah **RM2.20 bilion dalam Peruntukan Mengurus**. Ia terbahagi kepada lima komponen utama iaitu RM560.9 juta (25.5%) adalah bagi Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja, RM70.2 juta (3.2%) disediakan bagi Bayaran Lebih Masa dan RM1.44 bilion (65.4%) bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan.
20. Pada masa yang sama, sebanyak RM107.6 juta (4.9%) adalah bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan bakinya sebanyak RM20.3 juta (0.9%) diperuntukkan bagi Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.

11.0 Peruntukan Pembangunan

21. Bagi **Peruntukan Pembangunan, sejumlah RM0.64 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal sepanjang tahun 2025.
22. Jumlah tersebut terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak RM574.9 juta (90%) manakala RM63.8 juta (10%) merupakan pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain.
23. Pembiayaan Kerajaan adalah terdiri daripada projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) sebanyak RM52.6 juta (8.2%) dan sebanyak RM7.2 juta (1.2%) diperuntukkan di bawah program NKEA Greater KL

/ Klang Valley bagi projek River of Life serta baki sejumlah RM4 juta (0.6%) untuk projek di bawah lain-lain pembiayaan.

Hadirin yang dihormati,

24. Untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang Tahun 2030, DBKL telah menyediakan peruntukan mengikut bidang keutamaan berdasarkan Program Flagship DBKL (2024-2026).

a) Program Mitigasi Banjir

25. **Program Pengurusan Mitigasi Banjir.** Selaras dengan **fokus utama bawah Bandar Hijau dan Lestari**, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM89.1 juta** merangkumi peruntukan mengurus dan pembangunan. Di bawah peruntukan mengurus, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak RM39.2 juta bagi pengurusan sistem saliran dan perparitan termasuk penyelenggaraan sungai, parit induk, longkang tepi jalan dan rumah pam. Manakala bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM49.9 juta diperuntukkan untuk projek mempertingkatkan sistem saliran dan perparitan, kolam takungan banjir, tembok penahan banjir (*flood wall*) dan sistem pam.

26. Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak **Kerajaan Persekutuan** atas bantuan kewangan berjumlah **RM60 juta** yang disalurkan melalui **Jabatan Perdana Menteri** (JPM) dan **RM20 juta** daripada **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** bagi pelaksanaan **projek mitigasi banjir** yang telah dan akan dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun sehingga 2026.

b) Program Pengurusan Lalu Lintas dan Keselamatan

27. Seterusnya ialah **Program Pengurusan Kesesakan Lalu Lintas dan Keselamatan**. Sebanyak **RM178.7 juta** diperuntukkan di bawah Peruntukan Mengurus yang terdiri daripada penyelenggaraan infrastruktur berkaitan lalu lintas, penyelenggaraan lampu jalan, pengurusan sistem trafik, pengurusan lampu isyarat dan sewaan CCTV serta VMS.

28. Sehingga kini, sebanyak **5,000 CCTV dan 140 unit VMS** telah dipasang sepanjang **2,000 kilometer** rangkaian jalan sekitar Kuala Lumpur. Selaras dengan **Program Flagship ke-2, iaitu Bandar Pintar (Urban Digital Twin)**, sebahagian daripada 5,000 CCTV ini telah dilengkapi dengan 16 fungsi Artificial Intelligence (AI).
29. Selain itu, sebanyak **42 panic button serta pembesar suara** turut di pasang di taman-taman awam dan lokasi awam bagi membolehkan orang awam meminta bantuan dalam situasi kecemasan atau bahaya. *Panic button* ini berfungsi untuk memberi amaran kepada pihak berkuasa, pengawal keselamatan, atau orang yang bertanggungjawab apabila seseorang berada dalam keadaan terancam atau dalam kesulitan.
30. Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM6 juta** pada tahun 2025 bagi tujuan kerja-kerja baik pulih tempat **letak kereta park and ride** Sungai Besi dan Bandar Tasik Selatan, pembinaan tempat letak kereta kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta penggantian lif di jejantas Jalan Tun Sambanthan.

Hadirin yang dihormati,

c. Program Rendah Karbon

31. Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian Kuala Lumpur dan **fokus utama di bawah Bandar Hijau dan Lestari**, DBKL berusaha untuk mencapai **neutral karbon menjelang 2050** melalui Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050. Setakat ini, DBKL telah berjaya menjimatkan tenaga sebanyak 10-15% melalui pemasangan solar panel di 9 bangunan DBKL dan langkah seterusnya ialah memperkenalkan **District Cooling System** yang dijangka mampu mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 6,000 tan setahun sambil mencipta peluang pekerjaan hijau. Dalam aspek mobiliti bandar, perkhidmatan bas GoKL kini menyokong lebih 100,000 perjalanan setiap hari untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara. DBKL juga sedang beralih kepada penggunaan armada pengangkutan elektrik dengan sokongan infrastruktur pengecasan tenaga boleh diperbaharui. Bagi memastikan usaha-usaha ini diteruskan, sebanyak **RM57.6 juta** telah diperuntukkan pada tahun

2025 yang melibatkan program di bawah Low carbon.

d. Pembangunan Berasaskan Pelan (Pewartaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur)

32. **Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL 2040) dijangka akan diwartakan pada awal tahun 2025** yang mana ianya adalah **fokus utama bawah Pembangunan Berasaskan Pelan**. Oleh yang demikian, dengan anggaran 2,109 kilometer panjang jalan raya dan 182 cerun yang perlu disenggara oleh DBKL, jumlah peruntukan yang telah disediakan pada tahun 2025 adalah sebanyak **RM269.3 juta** yang merangkumi RM187.1 juta di bawah peruntukan mengurus dan RM82.2 juta di bawah peruntukan pembangunan.

e. “Green Connector”

33. Selain itu, DBKL telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan **Green Connector** bawah **Program Flagship ke-6, iaitu Penghijauan Bandar. Inisiatif Green Connector** ini bertujuan untuk mencipta suatu sistem laluan hijau yang menghubungkan kawasan-kawasan utama di bandar yang memerlukan kemudahan pengangkutan mesra alam. Ini termasuklah kawasan taman, pusat rekreasi, dan laluan pejalan kaki yang lebih selamat. Bagi tujuan ini saya telah mencadangkan zon penampang pembangunan berintensiti rendah di sekitar kawasan tadahan air dan kawasan yang telah diwartakan selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Bagi merealisasikan inisiatif ini, DBKL telah menyediakan sejumlah **RM230.6 juta** peruntukan mengurus pada tahun 2025 bagi tujuan kerja-kerja pengindahan landskap, penyelenggaraan dan naik taraf taman-taman awam, penyelenggaraan pokok , serta pengindahan bangunan warisan dan ikonik.

34. Bagi pelaksanaan projek pembangunan pula, sejumlah **RM9juta** telah diperuntukkan pada tahun hadapan di dalam Peruntukan Pembangunan untuk melaksanakan projek-projek **pengindahan tanah lapang, pengindahan sungai** di bawah River Of Life (ROL), projek pencahayaan ruang perbandaran serta kerja naik taraf landskap, taman-taman awam dan *pocket park*.

f. Lestari Niaga

35. Seperti mana kita maklum, pihak kerajaan telah memperkenalkan banyak inisiatif untuk membantu rakyat dalam menangani peningkatan kos sara hidup. Justeru itu, DBKL terus mengambil langkah menyokong pelan kerangka ekonomi madani bagi mencipta peluang pekerjaan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang mesra perniagaan, memudahkan proses kelulusan permit dan lesen perniagaan serta menyediakan pusat-pusat penjaja yang kondusif untuk perniagaan. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2025 DBKL komited untuk meneruskan program **Lestari Niaga@Kuala Lumpur** yang merupakan salah satu **fokus keutamaan di bawah Komuniti Inklusif**. Bertepatan dengan usaha DBKL untuk pembangunan penjaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, sejumlah **RM26.9 juta** turut disediakan di bawah peruntukan mengurus yang sebahagian besarnya meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih bangunan serta pengurusan bazar perayaan.
36. Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM32 juta** disediakan bagi pembangunan, pembinaan serta naik taraf pasar dan pusat penjaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur. Antaranya adalah bagi projek pembangunan semula **Pasar Jalan Raja Bot**. Projek ini melibat 4 fasa pembangunan yang bermula pada 8 Mei 2014 dengan jumlah kos keseluruhan projek adalah RM125.8 juta. Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada April 2016 dan telah sepenuhnya beroperasi dengan menempatkan 180 peniaga. Manakala bagi fasa 2 ianya telah disiapkan pada Februari 2024 dan mula beroperasi bermula Mac 2024 dengan jumlah 505 peniaga. Bagi fasa 3 pula ianya masih di dalam pelaksanaan pembangunan dan dijangka siap pada Julai 2026. Untuk tahun 2025 sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan bagi fasa 3 ini.
37. Selain Pasar Raja Bot, **Projek Pembangunan Bazaria Genting Klang** juga adalah salah satu projek mega yang akan memberi manfaat kepada kumpulan peniaga dan penjaja di Kuala Lumpur. Projek ini mula di bangunkan pada 6 Julai 2017 dengan nilai kos projek berjumlah **RM69.9 juta** dan projek ini dijangka mula beroperasi pada awal tahun 2025 dengan jumlah peruntukan **RM3.5 juta** pada tahun 2025.

g. Rumah Majlis (Council Home)

38. DBKL telah memulakan projek perumahan yang dikenali sebagai **Rumah Majlis (Council Home)** berkeluasan minimum 750 kaki persegi seunit di atas tapak-tapak milik DBKL untuk disewakan kepada warga kota yang berkelayakan pada kadar sewaan yang lebih rendah berbanding kadar pasaran untuk suatu tempoh tertentu. Pada tahun 2022, *Council Home* di Sungai Udang Kuala Lumpur telah siap dibina dengan menelan belanja sebanyak RM348.5 juta dan menawarkan 1,251 unit kediaman untuk disewa.

39. Selari dengan **fokus keutamaan Komuniti Inklusif, Perumahan Madani dan Rumah Sewa, DBKL** meneruskan 6 lagi projek pembangunan *Council Home* iaitu di Jalan Selimang / Jalan Siakap, Taman Desa, Alam Damai, Sungai Besi, Tasik Permaisuri dan Kuarters DBKL Sentul. Keseluruhan peruntukan pembangunan yang telah disediakan pada tahun 2025 adalah berjumlah **RM166.5 juta**. DBKL berharap agar projek perumahan *Council Home* ini akan memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40 selari dengan outcome Program Flagship ke-4, iaitu menyediakan 2,301 unit rumah sewa untuk golongan berpendapatan rendah serta menyediakan 170 kuarters khusus untuk kakitangan DBKL.

h) Pengurusan dan Penyelenggaraan PA/PPR

40. DBKL komited untuk mengurus lebih **39,180 unit rumah sewa** di **33 kawasan PPR** dan **31 kawasan PA** di sekitar Kuala Lumpur. Peruntukan Mengurus yang besar sebanyak **RM178.8 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa yang melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif / mesin, sewaan CCTV, penyelenggaraan rumah sampah dan kontrak pembersihan. Hal ini perlu dilakukan oleh DBKL untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan PA dan PPR agar sentiasa terpelihara dan terjaga. Di bawah peruntukan pembangunan pula sejumlah **RM17 juta** diperuntukkan untuk projek penggantian dan naik taraf lif di beberapa kawasan PA dan PPR. Selain itu, kerja-kerja naiktaraf sistem elektrik bagi pemasangan *branch cable*, naik taraf sistem bekalan air dalam bangunan turut diambil kira dalam belanjawan 2025.

i) Program Komuniti dan Program K2K

41. Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata, malahan DBKL juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat warga kota. Masyarakat yang sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan terus maju. Di bawah fokus keutamaan Komuniti Inklusif untuk K2K KL, iaitu memperluas **Program K2K ke semua PA/PPR di Kuala Lumpur** melalui kerjasama dengan Think City dan Urbanice, DBKL akan memastikan kesejahteraan komuniti dipertingkatkan melalui penglibatan dan inisiatif pengurusan yang lebih baik. Oleh itu, pada tahun 2025, DBKL telah memperuntukkan sejumlah **RM129.6 juta** di dalam peruntukan mengurus dan pembangunan bagi pembangunan dan kesejahteraan komuniti warga kota.
42. Sejumlah **RM97.9 juta** telah disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi kesejahteraan warga Kuala Lumpur. Ianya merangkumi **RM5.5 juta** dalam **Aktiviti Pembangunan Sosial, Gotong Royong dan bantuan Rancangan Sosial Kawasan Perumahan, RM45 juta** bagi pengurusan perkhidmatan percuma **bas GO KL** kepada warganegara Malaysia dan **RM10 juta** adalah bagi program bantuan bas sekolah percuma kepada murid-murid yang kurang berkemampuan.
43. Dalam **fokus keterangkuman dan inklusiviti masyarakat**, pelbagai **program khas komuniti warga kota** yang turut melibatkan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan gelandangan yang merangkumi pelbagai peringkat umur terus diperuntukkan dalam Bajet 2025 ini dengan anggaran peruntukan berjumlah **RM15.3 juta**.
44. Selain itu, sejumlah **RM31.6 juta** diperuntukkan di bawah Peruntukan Pembangunan untuk tujuan **naik taraf dewan masyarakat, dewan komuniti serta dewan serbaguna** di seluruh Kuala Lumpur yang bakal memberi manfaat kepada penduduk di sekitarnya.

j) Kuala Lumpur Creative and Cultural District (KLCCD)

45. Aktiviti dan program kebudayaan, kesenian dan sukan adalah penting bagi perkembangan fizikal dan minda warga kota di samping mengukuhkan semangat kemasyarakatan. Kuala Lumpur perlu membangun sebagai satu entiti moden dengan identiti dan imej tersendiri yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang menjadi kebanggaan warga kota dan negara.
46. Sejakar dengan itu, DBKL dengan kerjasama Khazanah Nasional Bhd. dan Think City Sdn. Bhd. akan membangunkan **Daerah Budaya dan Kreatif Kuala Lumpur (KL Creative and Cultural District, KLCCD)** di sekitar Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka. KLCCD adalah kawasan Pusat Bandar yang dihidupkan sebagai pusat kreatif dengan menjadi daya penarik untuk industri kreatif dan dalam masa yang sama akan membuka peluang pekerjaan kepada warga kota.
47. Justeru itu, dalam mencapai usaha ini, sejumlah **RM11.3 juta** diperuntukkan dalam **peruntukan mengurus** tahun 2025. Antaranya, sejumlah RM5.7 juta diperuntukkan untuk pelbagai kegiatan sukan, kebudayaan dan persembahan muzik Kuala Lumpur, manakala **RM5.6 juta** pula diperuntukkan untuk penyenggaraan stadium dan kompleks renang bagi kemudahan riadah warga kota termasuk dewan dan kompleks sukan serta penyelenggaraan bangunan warisan.
48. Di bawah **Peruntukan Pembangunan** pula, sejumlah **RM3.4 juta** disediakan bagi program ini. Sebahagian besarnya diperuntukkan untuk naik taraf dan baik pulih Stadium Hoki Kuala Lumpur dengan jumlah RM2 juta. Selebihnya RM1.4 juta adalah untuk baik pulih gelanggang dan naik taraf padang bola bagi menggalakkan warga kota mengamalkan aktiviti hidup sihat dengan bersukan.

k) Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026

49. Selaras dengan **kempen Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026** dan **Kepengerusian ASEAN tahun 2025**, Kuala Lumpur perlu terus dipromosikan sebagai sebuah pilihan destinasi pelancongan yang terbaik di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, sejumlah **RM21.8 juta** disediakan untuk tahun 2025 bagi Peruntukan Mengurus dan Pembangunan.

50. Bagi tujuan **Kepengerusian ASEAN 2025**, lebih daripada 200 mesyuarat di pelbagai peringkat akan diadakan di seluruh negara. Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah untuk mesyuarat-mesyuarat utama termasuk Mesyuarat Ketua Kerajaan ASEAN pada Mei dan Oktober 2025. Sehubungan itu, DBKL telah memperuntukkan **RM8.5 juta** khusus untuk Kepengerusian ASEAN 2025 dengan memberi tumpuan kepada kesejahteraan awam melalui dasar dan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan bandar, menangani isu komuniti serta memperbaiki akses kepada kemudahan dan perkhidmatan awam. Namun begitu keseluruhan peruntukan yang disediakan bagi persediaan kepengerusian ASEAN ini turut mengambil kira lain-lain kod peruntukan di bawah **11 program** lain yang berjumlah **RM126.3 juta** termasuk RM8.5 juta yang disediakan di bawah program ini. Peruntukan **RM126 juta** tersebut adalah terdiri daripada pengindahan dan naik taraf landskap (**RM23 juta**), pengindahan pencahayaan (**RM25 juta**), naik taraf infrastruktur jalan raya (**RM54.7 juta**), pengindahan pembersihan dan naik taraf infrastruktur bandar (**RM15.8 juta**) dan pengurusan gelandangan (**RM7.8 juta**).

51. Pada masa yang sama juga, DBKL turut membuat persediaan bagi **Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026** dengan menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah **RM8.4 juta** untuk tujuan menaik taraf kawasan segitiga pelancongan dan projek-projek pemuliharaan imej reka bentuk bandar.

I) Tindakan Penguatkuasaan

52. Bagi memastikan **tindakan penguatkuasaan** secara konsisten dilaksanakan, **KL Strike Force**, iaitu satu unit khas bersepadu telah ditubuhkan. Di bawah **fokus keutamaan tadbir urus**, DBKL sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain bergantung kepada jenis operasi bersepadu yang akan dilaksanakan. Sehubungan itu, untuk tahun 2025, DBKL telah memperuntukkan **RM39.7 juta** di bawah Peruntukan Mengurus di bawah program penguatkuasaan.

Hadirin yang dihormati,

m) Pengurusan Sisa Pepejal

53. Dalam **menguruskan sisa pepejal** di Kuala Lumpur, DBKL telah memperuntukkan **RM233.8 juta** di bawah Peruntukan Mengurus untuk tahun 2025. Peruntukan ini adalah sebahagian besarnya adalah untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berjumlah RM160 juta, bayaran pelupusan sampah (*tipping fee*) berjumlah RM39.5 juta dan bayaran pengurusan dan pengangkutan sampah di Taman Beringin berjumlah RM24 juta. Selain itu peruntukan mengurus turut disediakan untuk program-program berkaitan kitar semula dengan jumlah peruntukan RM1.3 juta dan RM9 juta adalah untuk penyelenggaraan serta lain-lain program berkaitan pengurusan sisa pepejal di Kuala Lumpur. Penyaluran peruntukan ini adalah selaras dengan **Program Flagship ke-8, iaitu Kuala Lumpur Zero Waste.**

12.0 Kesimpulan

54. Secara keseluruhannya, **Belanjawan 2025** adalah merupakan **Belanjawan Defisit:**

Anggaran hasil 2025	: RM2.45 bilion
Anggaran Perbelanjaan 2025	: RM2.77 bilion
Defisit	: RM325.9 juta

55. Dengan sokongan semua pihak, termasuk kawan-kawan media, insha Allah, kita berusaha untuk menyediakan **belanjawan seimbang (*balanced budget*) pada tahun 2026.**

13.0 Hala tuju

Hadirin yang dihormati,

56. DBKL komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik melalui peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2025. Kejayaan ini hanya akan dapat dicapai melalui prinsip **CATEE**; iaitu **Competent, Accountable, Efficient and Effective**

dalam setiap perkhidmatan yang diberikan oleh DBKL. Perkara ini amat penting dalam memastikan DBKL dapat memenuhi tanggungjawab sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan pada masa yang sama dapat meraih kepercayaan dan keyakinan warga kota.

57. Justeru itu, tema belanjawan 2025, iaitu “Kuala Lumpur Lestari, Warga Kota Sejahtera” adalah tema yang menggambarkan komitmen DBKL terhadap pembangunan bandar yang mampan, serta memastikan kesejahteraan dan kebijakan semua lapisan masyarakat di Kuala Lumpur terpelihara. Tema ini juga mencerminkan aspirasi untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang tidak hanya maju dari segi ekonomi dan infrastruktur, tetapi juga mesra alam dan memperkasa kehidupan warganya.

58. InshaAllah, kami semua akan bekerja keras untuk mengubah Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang selesa untuk didiami dan disayangi – ***Liveable & Loveable City***, tanpa meninggalkan mana-mana pihak atau sesiapa pun di belakang - ***Leave No One Behind***.

59. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan media yang sentiasa bersama-sama DBKL dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada warga kota.

60. Akhir kata, saya berdoa dan berserah kepada Allah S.W.T agar amanah yang dipikul ini dapat disempurnakan dengan penuh integriti demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Jabatan Kewangan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

19 Disember 2024